



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SEMAKAN KENAIKAN KADAR ELAUN TUGAS ATAS PANGGILAN (ETAP) AKAN DIBENTANGKAN KEPADA JEMAAH MENTERI**

**Putrajaya, 5 September 2025** – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menambah baik pemberian insentif serta kebajikan kakitangan dan petugas kesihatan dengan menjalankan pelbagai kajian elaun dan kemudahan termasuk kenaikan kadar Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP). Penambahbaikan seperti ini akan terus diusahakan secara berkala mengikut keadaan semasa.

Warga kerja termasuk petugas kesihatan di KKM kini menerima pelbagai jenis elaun bertugas bagi yang layak antaranya Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Pakar, Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun *Locum*), Elaun Pembedahan Elektif serta yang terkini, Bayaran Insentif Pakar Pra Warta (BIPPW). Senarai turut dilampirkan.

KKM komited untuk menyempurnakan semakan kenaikan kadar ETAP yang telah dijalankan sejak mutakhir ini. Bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), ia yang akan dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri dalam waktu terdekat agar pelaksanaannya dapat direalisasikan di tahun 2026 kelak.

-TAMAT-

**DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
5 SEPTEMBER 2025**



## MAKLUMAT TAMBAHAN

Secara umumnya, warga kerja lantikan tetap merentas skim perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk di Sabah dan Sarawak menerima pelbagai jenis elaun & insentif **mengikut kelayakan** berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa seperti berikut:

1. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)
2. Bayaran Insentif Pakar
3. Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun Locum)
4. Elaun Pembedahan Elektif
5. Bayaran Insentif Pakar Pra Warta (BIPPW)
6. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara
7. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
8. Elaun Pentadbiran Hospital
9. Elaun Tugas Atas Panggilan bagi pegawai perubatan (ETAP atau *oncall*)
10. Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan
11. Bayaran Insentif Pedalaman
12. Elaun Balik Kampung (bagi pegawai yang menerima BIMLTK)
13. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
14. Bayaran Imbuhan Sara Hidup (COLA)
15. Imbuhan Tetap Khidmat Awam
16. Imbuhan Tetap Keraian
17. Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah
18. Bayaran Imbuhan Wilayah
19. Tambang Ziarah Wilayah
20. Elaun Waktu Bekerja Fleksi Bagi Pegawai Perubatan Siswazah
21. Perkhidmatan sessional pakar perubatan swasta di hospital KKM